

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 FEBRUARI 2022
AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 38

'Kami sudah muak dengan wayang'; Penduduk gugusan Lepar Utara mohon jalan utama segera dibaiki

Penduduk gugusan Lepar Utara mohon jalan utama segera dibaiki

'Kami sudah muak dengan wayang'

Oleh NORHAFIZAN ZULKIFLI
urtusannews@mediamula.com.my

KUANTAN: Penduduk gugusan Felda Lepar Utara sudah muak dengan mainan 'wayang' pelbagai pihak yang kononnya hadir untuk membaik pulih jalan utama Felda Lepar Utara melalui Felda Kota Gelanggi yang rosak lebih setahun lalu.

Sebahagian besar jalan utama yang menghubungkan lebih 3,500 penduduk Felda Lepar Utara 1, 2 dan 4 dengan bandar terdekat sudah runtuh kesan kejadian banjir dua kali tahun lalu.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Ketua Kampung Felda Lepar Utara 4, Noh Hitam Yusof, 57, berkata, pelbagai pihak sudah hadir untuk mengambil tindakan namun ia dianggap hanya 'wayang' menyedapkan hati penduduk.

"Bila penduduk bising, mereka datang koñon untuk ukur jalan dan melihat keadaan. Namun ia hanya sekadar itu, tiada tindakan susulan diambil.

"Kami sudah muak melihat kehadiran mereka yang hanya sekadar melepaskan 'batok ditangga' dan hanya hendak menyedapkan hati kami sahaja," katanya di sini semalam.



ZAKIMI Zakir Hasim menunjukkan runtuhan jalan utama berketinggian 30 kaki dan laluan alternatif yang dibina atas inisiatif penduduk dan FGV.

Katanya, jawatankuasa kampung sudah beberapa kali mengajukan masalah terbabit sehingga ia telah pun mendapat perhatian pihak tertinggi.

"Namun, kami diminta menunggu selama dua tahun un-

tuk jalan itu dibaiki pulih sepenuhnya. Ia adalah sesuatu yang kami anggap tidak masuk akal kerana dalam tempoh itu, jalan yang kini hanya tinggal laluan kaki lima mungkin akan runtuh sepenuhnya," katanya.

Penduduk, Mohd. Hassan Kasim, 56, berkata, melihat keadaan jalan terbabit yang semakin teruk, ini memberikan kebimbangan buat penduduk kerana ia dianggap boleh mengancam nyawa.

"Kami rasa tidak selamat untuk kami melalui jalan ini terutama ketika musim hujan tapi kami terpaksa kerana ini sahaja laluan yang ada untuk keluar masuk ke bandar.

"Ia juga satu-satunya laluan untuk kami ke hospital atau jika berlaku kejadian kecemasan untuk kenderaan ambulans atau bomba keluar masuk," katanya.

Pengerusi Majlis Belia Felda Malaysia (MBFM) Felda Lepar Utara 2, Zakimi Zakir Hasim, 40 pula berkata, selepas seminggu laluan berkenaan runtuh dengan kecuraman sekitar 30 kaki, pihak belia dari gugusan berkenaan dengan kerjasama penduduk dan Felda Global Ventures (FGV) membina jalan alternatif untuk kegunaan keluar masuk lori mengangkut buah sawit.

"Ia inisiatif penduduk sendiri menjadikan jalan ladang di sebelah jalan runtuh itu sebagai laluan alternatif yang pada mulanya digunakan untuk laluan lori. Namun kebelakangan ini laluan asal itu semakin teruk sehingga ada yang terjatuh ke bahu jalan dan menyebabkan kerosakan kenderaa, kami membuka laluan bawah ini untuk kenderaan lain," katanya.